



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENYAMBUNG KABEL (D.4 EB.5)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENYAMBUNG KABEL
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
D.4 EB.5 (\$1225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN= TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Elektrikal & Elektronik dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau D.1 tidak kurang dari 5 tahun.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai pengalaman dalam bidang kerja-kerja memasang '*Joint and Termination*' kabel di bawah tanah adalah kelebihan.
3. Pernah mengikuti kursus jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Peringkat Pertama adalah kelebihan.
4. Mengetahui saiz-saiz kabel bagi kegunaan yang ditentukan, berpengalaman dalam menyambung LT dan HT.
5. Mengetahui dan berkebolehan mengawasi segala peraturan-peraturan keselamatan kerja.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu tugas jawatan Jurutera / Ketua Pembantu Teknik atau Pembantu Teknik Kanan;
2. Merancang, mengarahkan dan bertanggungjawab ke atas Bahagian Penyambungan Kabel Zon Timur;
3. Menyediakan perkakas, alat dan *kits* penyambungan dan penamatan kabel;
4. Membuat penyambungan dan penamatan (*Termination*) kabel; Voltan Tinggi (11KV) dan Voltan Rendah (415V);
5. Bersiap sedia setiap masa untuk menghadiri aduan kontrak (Pemborong);
6. Membuat pemeriksaan dan pemeliharaan meter Pengguna;
7. Menerima laporan dan memeriksa meter rumah yang bermasalah yang dilaporkan ke talian 123;
8. Membuat laporan ke atas meter yang sudah diuji; dan
9. Menerima arahan daripada Pegawai-Pegawai Kanan / Ketua Bahagian / Cawangan / Unit masing-masing dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';


- Kad pengenalan dan Lesen Memandu.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- SIJIL-SIJIL** (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	BGCE O LEVEL.pdf
	2016	2016	25/8/2016	NTC2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 3.pdf

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▲
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼

Current Appointment

Starting Date

Ministry

Department

Job Title